

Terms and Conditions : “6.99% p.a. Balance Transfer (Connect Exclusive Plan) for 6 or 12 months”

1. **6.99% p.a. Balance Transfer (Connect Exclusive Plan) for 6 or 12 months** (“BT”) is open to :
 - i) Existing Principal Cardholders who submit their application for Balance Transfer via Hong Leong Connect Internet Banking or Connect App.
2. Hong Leong Bank (“the Bank”) reserves the right to approve or reject the Balance Transfer (“BT”) application submitted by the Cardholder without assigning any reason.
3. Cardholder may apply to transfer Eligible Principal Cardholder may transfer his/her personal credit card outstanding balances from other banks credit card account(s) to his/her HLBB credit card account, or an applied BT amount to be credited to Eligible Principal Cardholders’ personal current or saving account (“CASA”).
4. The minimum amount per application is RM1,000 and the maximum is subject to your available credit limit and Hong Leong Bank’s approval.
5. The Bank will notify the Cardholder in writing whether his/her BT application has been approved and the approved amount (“BT Approved Amount”). Once the BT Approved Amount is determined, a corresponding amount of the Cardholder’s credit card limit will be earmarked for this purpose and the available credit limit balance will be reduced accordingly. The Bank shall not be liable for any transactions rejected by merchants due to the unavailability of the credit limit earmarked for this purpose.
6. Upon transfer of the BT Approved Amount to the Cardholder(s) BT Account, the interest of **6.99% p.a.** will be calculated on a daily basis and charged on the balance of the BT Approval Amount during the **6.99% p.a.** interest period and upon expiry of the **6.99% p.a.** interest period for the tenure chosen, interest at the prevailing rate of 18% p.a. will be charged on any balance in the BT Account until the date of full repayment.
7. The Cardholder shall be obligated to pay monthly minimum payment of 5% from outstanding amount in the BT Account or RM50.00, whichever is higher. If the Cardholder fails to make payment on or before the due date, the **6.99% p.a.** interest rate will be retracted and interest at 18% p.a. will be charged on the amount outstanding in the BT Account on a daily basis until full repayment. Failure to comply with the minimum payment obligation will also result in a late payment fee of 1% of total outstanding balance as at statement date or minimum RM10, whichever is higher, subject to a maximum of RM100 being posted to the BT Account.
8. The Bank reserves its absolute right to retract the **6.99% p.a.** interest rate if the Cardholder breaches any of the BT terms and conditions as well as the prevailing terms and conditions of the Cardholder Agreement (“Cardholder Agreement”).
9. Notwithstanding anything contained in Clauses 8 and 9 above, if at any time, the Cardholder(s) credit card account and/or BT Account becomes overdue or delinquent, the Bank may at its absolute discretion charge on the outstanding balance in the BT Account at the interest rate of 18% p.a. notwithstanding that the **6.99% p.a.** is for 6 months or 12 months respectively depending on the tenure chosen.
10. Pending the approval of the Cardholder’s BT applications, the Cardholder shall continue to be liable to make payment to his/her other Credit/Charge Card Account(s) with the respective issuing financial institutions and/or companies in accordance with the terms governing the same. The Bank shall not be liable for interest on any overdue payment or any finance or other charges incurred as a result of the Cardholder’s and/or the Bank’s failure or delay in making payment to the other Credit/Charge Card Account(s) with the respective issuing financial institutions and/or companies.
11. If the Cardholder(s) fully settles the BT Amount before the expiry of the chosen BT tenure, and early settlement penalty of RM70 will be charged to the Cardholder(s) BT Account.
12. Subject to Clause 5 above and the total credit limit of the Cardholder(s) credit card account, the Cardholder(s) may apply for a second balance transfer subject to HLB’s approval and subject to HLB’s prevailing Terms and Conditions and standard balance transfer rate(s).
13. The Bank reserves the right to add, alter, modify, change or vary the terms and conditions contained herein, either in part or whole. Subsequently, the Bank may at its discretion mail the Cardholder or notify in the mass media or posting up a notice in the Bank’s banking hall or the Bank’s website at www.hlb.com.my or any method which the Bank deems practical for such additions, modifications or amendments of the terms and conditions.

14. The Cardholder(s) would not be able to accumulate reward points for the Balance Transfer Program.
15. The Terms and Conditions herein contained shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.
16. These terms and conditions are in addition to the Cardholder Agreement and the Cardholder agrees that the general terms and conditions in the Cardholder Agreement shall be read together with these terms and conditions as an entire agreement. In the event of any discrepancies between these terms and conditions with the general terms and conditions contained in the Cardholder Agreement, these terms and conditions shall prevail in so far as it relates to the BT service.

Terma dan Syarat : "6.99% p.a. Balance Transfer (Pelan Eksklusif Connect) untuk 6 atau 12 bulan

1. **6.99% p.a. Balance Transfer (Pelan Eksklusif Connect) untuk 6 atau 12 bulan terbuka kepada :**
 - i) Pemegang Kad Prinsipal Hong Leong Bank yang membuat permohonan untuk Balance Transfer ("BT") melalui Hong Leong Connect Internet Banking atau Aplikasi Connect.
2. Hong Leong Bank ("Bank") berhak untuk meluluskan atau menolak permohonan Balance Transfer ("BT") yang dimohon oleh Pemegang Kad tanpa memberikan sebarang sebab.
3. Pemegang Kad boleh memohon untuk memindahkan tunggakan baki yang dipegang oleh Pemegang Kad dengan tidak lebih daripada tiga (3) institusi kewangan lain dan/atau syarikat kad kredit ("Akaun(-akaun) Kad yang Lain") ke akaun Balance Transfer yang diluluskan dengan Bank ("Akaun BT").
4. Amaun minimum yang boleh dipindahkan adalah RM1,000 dan amaun maksimum bergantung kepada baki kad kredit sedia ada dan kelulusan daripada pihak Bank.
5. Pihak Bank akan memaklumkan secara bertulis kepada Pemegang Kad sama ada permohonan BT beliau telah diluluskan dan amaun yang diluluskan ("Amaun BT Diluluskan"). Sebaik sahaja Amaun BT diluluskan telah ditentukan, jumlah amaun yang bersamaan dalam had kad kredit Ahli (-ahli) Kad akan ditandakan untuk tujuan tersebut dan baki had kredit tersedia akan dikurangkan selaras dengannya. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi yang ditolak oleh pedagang akibat ketiadaan had kredit berikutan ianya telah ditandakan untuk tujuan ini.
6. Apabila Amaun BT Diluluskan telah dipindahkan ke Akaun BT Ahli (-ahli) Kad, kadar faedah **6.99% p.a. Balance Transfer** akan dikira pada kadar harian dan dicajkan ke atas baki Amaun BT Diluluskan semasa tempoh kadar 6.99% p.a. yang berkaitan dan apabila tamat tempoh kadar **6.99% p.a. Balance Transfer** berakhir, faedah pada kadar semasa 18% p.a. akan dikenakan pada mana-mana baki Akaun BT sehingga pembayaran penuh dijelaskan.
7. Pemegang Kad dikehendaki membuat pembayaran minima 5% daripada baki tertunggak dalam akaun BT atau RM50.00, yang mana lebih tinggi. Jika Pemegang Kad gagal membuat pembayaran pada atau sebelum tarikh pembayaran perlu dijelaskan, maka kadar faedah **6.99% p.a. Balance Transfer** akan ditarik balik dan faedah sebanyak 18% p.a. akan dicajkan ke atas amaun yang tertunggak dalam Akaun BT atas dasar kadar harian sehingga pembayaran sepenuhnya dilaksanakan. Kegagalan untuk membuat pembayaran minima ini akan menyebabkan yuran bayaran lewat 1% dari amaun pembayaran balik pada tarikh penyata atau RM10.00, yang mana lebih tinggi, tertakluk kepada maksimum RM100 akan dikenakan ke atas Akaun BT tersebut.
8. Bank berhak untuk menarik balik kadar faedah **6.99% p.a. Balance Transfer** sekiranya Pemegang Kad melanggar sebarang terma-terma dan syarat-syarat BT tersebut dan juga sebarang terma-terma dan syarat-syarat semasa yang terdapat di dalam Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong ("Perjanjian Ahli Kad").
9. Tanpa mengambilkira kandungan Klausula 8 dan 9 di atas, jika pada bila-bila masa, akaun Pemegang Kad dan/atau Akaun BT menjadi ingkar atau tertunggak, Bank berhak atas budi bicara mutlaknya mengenakan caj kewangan pada kadar 18% setahun ke atas baki tertunggak di dalam Akaun BT, walaupun ia masih dalam tertakluk kepada kadar faedah 6.99% p.a. untuk 6 bulan atau 12 bulan bergantung kepada tempoh BT yang dipilih.
10. Sementara menunggu kelulusan permohonan BT ini, Pemegang Kad masih bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada Akaun (-akaun) Kad Kredit/Caj lain yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan dan/atau syarikat-syarikat berkenaan sejajar dengan terma-terma yang mengawalseliana. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas faedah yang dikenakan untuk bayaran tunggakan atau mana-mana caj kewangan atau caj-caj lain yang dikenakan akibat kegagalan atau kelewatan Pemegang Kad dan/atau Bank dalam membuat pembayaran kepada Akaun (-akaun) Kad Kredit/Kad Caj yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan dan/atau syarikat-syarikat berkenaan
11. Sekiranya Ahli(-ahli) Kad menyelesaikan Amaun BT sepenuhnya sebelum tempoh BT yang dipilih berakhir, satu caj penalti penyelesaian awal sebanyak RM70 akan dicajkan ke Akaun BT Ahli(-ahli) Kad
12. Tertakluk kepada Klausula 5 di atas dan jumlah had kredit akaun kad kredit Pemegang(-pemegang) Kad, Pemegang(pemegang) Kad boleh memohon untuk Balance Transfer kedua, tertakluk kepada kelulusan oleh HLB dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat lazim HLB dan kadar BT biasa.

13. Bank berhak untuk menambah, meminda, mengubah, menukar atau mengganti sebahagian atau kesemua terma dan syarat yang terkandung di sini. Bank boleh, mengikut budi bicaranya, mengeposkan terus kepada Pemegang Kad atau mengumumkan di media massa atau meletakkan notis di ruang perbankan Bank atau di laman sesawang Bank di www.hlb.com.my atau sebarang cara yang dianggap wajar oleh Bank untuk memaklumkan mengenai penambahan, pengubahsuaian atau pindaan terma dan syarat ini.
14. Ahli(-ahli) Kad tidak dapat mengumpul mata ganjaran bagi Program Balance Transfer ini.
15. Terma dan syarat ini adalah tertakluk di bawah bidang kuasa dan dibentuk selaras dengan perundangan Malaysia.
16. Terma dan syarat yang dinyatakan di atas adalah tambahan kepada Perjanjian Ahli Kad dan Pemegang Kad bersetuju bahawa terma dan syarat am di dalam Perjanjian Ahli Kad akan dibaca bersama terma dan syarat ini sebagai perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang terkandung